

04/10/1999

Manual beri takrif mutu jalan raya

KUALA LUMPUR, Ahad - Kerajaan akan memperkenalkan Manual Keselamatan Jalan Raya yang akan menggariskan secara terperinci tahap keselamatan sistem jalan raya dan lebuh raya baru di seluruh negara.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata manual itu akan memberi takrifan lebih tepat berhubung mutu sesebuah jalan raya yang dianggap selamat untuk digunakan.

"Takrifan baru itu termasuk darjah membelok, keluasan serta ketahanan sesebuah jalan raya baru, yang perlu dipatuhi pemaju projek berkenaan," katanya pada sidang akhbar selepas majlis perasmian Kongres Jalan Sedunia XXI di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Perasmian itu disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir Presiden Persatuan Jalan Dunia, Hiroshi Mitani.

Samy Vellu berkata, manual itu yang bakal dilancarkan pada kongres empat tahun sekali itu, adalah hasil penyelidikan bertahun lamanya mengenai keselamatan jalan raya di negara ini.

"Kita sudah banyak menimba pengalaman pahit berhubung keselamatan jalan raya, dan inilah hasilnya," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata salah satu acara utama kongres kali ini ialah sesi Menteri yang akan berlangsung pagi esok.

Sesi itu, katanya, akan memberi tumpuan kepada isu penswastaan jalan raya dan kesannya terhadap kemajuan pembangunan kurun ke-21.

Kongres enam hari itu, yang disertai lebih 2,500 perwakilan dari 99 negara, berakhir Sabtu ini.

(END)